

Caj hospital swasta dipertikai

PUTRAJAYA: Kabinet memandang serius peningkatan berterusan kadar caj rawatan di hospital swasta serta tindakan sebilangan pusat perubatan berkenaan mengenakan bayaran yang terlalu mahal terhadap pesakit serta melakukan pemeriksaan atau ujian yang tidak perlu bagi meningkatkan kos rawatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata perkara itu sekali lagi mendapat perhatian Jemaah Menteri selepas pihaknya menerima aduan ada doktor di hospital swasta yang memeriksa pesakit sehingga 15 kali sehari dan mengenakan bayaran RM200 untuk setiap pemeriksaan atau RM3,000 sehari.

"Kabinet memandang serius bahawa bayaran yang dikenakan hospital swasta semakin hari semakin meningkat dan ada kes di mana pihak tertentu, sebagai usaha untuk meningkatkan keuntungan, mengenakan bayaran yang boleh dianggap keterlaluan.

"Kabinet membincangkan perkara ini termasuk soal ujian yang tidak seharusnya dijalankan tetapi dijalankan," katanya pada sidang media selepas perjumpaan tahunan di antara Kementerian Kesihatan dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di sini, semalam.

Sambil mengakui perkara itu sukar ditangani secara dasar kerana bilangan pemeriksaan dan ujian perubatan perlu, adalah sesuatu yang boleh diperbahaskan, Dr Chua berkata, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) boleh mengambil tindakan jika doktor di hospital swasta terbabit melanggar etika perubatan.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai boleh mengemukakan aduan kepada MMC dan MMA jika mengesyaki berlaku pelanggaran etika perubatan ketika menerima rawatan di hospital swasta.

"MMC mempunyai kuasa dan peruntukan tertentu mengambil tindakan berasaskan kepada aduan dan jenis pelanggaran etika. Tindakan yang akan diambil MMC bergantung kepada tahap kesalahan etika, iaitu sama ada diberi amaran, digantung dan dipecat," katanya.

Dr Chua juga berkata, sebanyak 29 klinik sudah ditutup manakala 19 doktor tidak bertauliah dikesan dalam operasi berterusan bahagian penguat kuasa kementerian.

Katanya, beliau yakin kes meningkat apabila kekuatan bahagian penguatkuasa itu ditambah kepada lebih 100 pegawai tahun depan daripada 70 pegawai sekarang.

"Kita akan terus kenal pasti klinik tidak berdaftar dan pengamal perubatan palsu supaya pesakit mendapat rawatan daripada doktor bertauliah," katanya.

Mengulas perkara dibincangkan dalam pertemuan dengan MMA, Dr Chua berkata, Kementerian Kesihatan bersetuju bahawa syarikat insurans kesihatan tidak seharusnya mengehadkan kadar bayaran dan ujian perubatan yang ditanggung polisi insurans berkenaan.

Hak Cipta Terpelihara 2007 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.

Resolusi anda sekarang adalah 800x600. Sila tukar resolusi anda untuk dapatkan paparan laman web terbaik!